

Dr Mahathir seorang ikonoklas jati

—Seorang yang menyerang adat dan kepercayaan yang lazim dan lama sudah wujud.

BH 23 JUN 2002

“SUDAH menjadi satu kelaziman setiap tahun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meluahkan buah fikiran dia dalam ucapannya pada Perhimpunan Agung. Ucapan itu disampaikan dengan terus terang, secara ikhlas dan mempamerkan gaya yang dapat mengupas isu semasa dengan analisis yang begitu tajam dan menyeluruh. Sudah berkali-kali ucapannya membawa ahli Umno khususnya dan orang Melayu secara amnya merentasi gelora pelbagai emosi.

Ucapannya pada hari Rabu lalu mungkin boleh dianggap sebagai satu luahan untuk refleksi, suatu waktu bermuhasabah yang begitu mendalam bagi orang Melayu. Dr Mahathir kerap kali menyebut apa yang difikirkan ramai tetapi enggan diluahkan dan dia turut merenung dan menimbang apa yang tidak difikirkan. Apa yang paling menonjol dalam ucapannya pada kali ini ialah perasaan kecewanya yang teramat, atas apa yang dianggapnya sebagai keagalannya untuk mengubah sikap orang Melayu.

Semenjak buku ulung Dr Mahathir ditulis sehinggalah ke hari ini, dia telah dibawa oleh semangat perjuangan untuk menamatkan Dilema Melayu yang telah diterangkan dengan begitu jelas dalam bukunya. Setelah dia menjadi Perdana Menteri semangat perjuangan itu telah diterjemahkan sebagai program be-

layu tidaklah bertambah baik. Sungguhpun kita telah diberi keutamaan dan keistimewaan dari segi peluang, bantuan dan tongkat, tapi kita tidak berjaya menghampiri kaum Cina dan India. Mereka sudah jauh ke depan sementara Melayu masih mengejar.

Bagi Dr Mahathir, kesilapan di sini terletak pada orang Melayu sendiri serta sikap mereka. Sikap hendak cepat kaya, sikap suka mengadai peluang ekonomi untuk keuntungan cepat tanpa perlu bekerja, budaya benci membenci dan hasad dengki dalam politik Melayu dan sikap alpa terhadap institusi kekeluargaan membawa orang Melayu kepada kelesuan. Dalam konteks inilah ucapan Dr Mahathir telah dikarang mohon dimengertikan sesudah beberapa dasar yang mengejutkan orang Melayu diperkenalkan.

Pesanan Dr Mahathir ini memerlukan memberanikan diri, khususnya setelah dia memperkenalkan dasar-dasar yang seolah-olah mengancam hak orang Melayu. Tetapi Dr Mahathir dalam kebijaksanaannya amat faham bahawa tiada cara yang lain untuk mengubah sikap Melayu tanpa paksaan. Dalam hal ini tiada waktu yang lebih baik dari sekarang untuk menggertak orang Melayu, ketika Umno kuat semula, membolehkannya menggunakan kezamanan politik untuk menggerakkan

sar dan dasar, yang dapat meletakkan orang Melayu pada tahap setaraf walaupun tidak melebihi kaum Cina di Malaysia. Dr Mahathir telah membawa revolusi industri dan kini kita ditemukan dengan revolusi teknologi. Sewaktu dia menjadi Perdana Menteri lebih ramai golongan profesional, ahli sains dan pakar teknologi Melayu dilahirkan. Dia telah membawa pembangunan fizikal yang menakjubkan dan telah membuka mata dunia kepada Malaysia. Kita sudah menjadi lebih kosmopolitan, lebih global dan terangkai berbanding dulu.

Atas kesedaran ini, Dr Mahathir mengambil keputusan untuk membangkitkan hakikat bahawa Melayu masih belum selamat. Dia dengan tepat sekali menjuruskan perhatian kita kepada bidang-bidang di mana peranan dan penyertaan Melayu kurang atau tiada langsung – kerana itu Melayu masih lemah: ekonomi kita ketinggalan. Dari segi politik kita terbelah bahagi. Di medan sosial, orang Melayu masih kekurangan ketuhanan moral. Kesemua ini satu kekecewaan yang begitu pahit bagi Dr Mahathir setelah 30 tahun Melayu diberi keistimewaan, setelah 21 tahun dia menyandang kerusi Perdana Menteri. Dengan keikhlasan bercampur kepedihan, Dr Mahathir memberanikan dirinya untuk berkata, “jika kita keluarkan orang Cina dengan segala-gala yang dibina dan dimiliki oleh mereka, tidak akan ada bandar kecil atau besar di Malaysia, tidak akan ada perniagaan dan perusahaan dan tidak akan ada dana daripada cukai pendapatan dan korporat untuk membiayai segala subsidi, bantuan dan kemudahan untuk orang Melayu.”

Kata-katanya pedih dan perit kerana ia suatu kebenaran. Secara amnya, orang Melayu telah membangun dalam kesemua bidang, tetapi secara relatifnya keadaan orang Me-

dasar-dasar yang tidak popular. Ucapan Dr Mahathir harus dianggap sebagai kekeluhan seorang ayah yang telah mengurniakan segala-gala kepada anaknya, tetapi melihat anak itu membesar sebagai orang yang terlalu bergantung, terlalu manja dan tidak menyerlah.

Di sinilah Dr Mahathir telah membuktikan bahawa beliau seorang ikonoklas. Dr Mahathir terdahulu daripada yang lain, jauh ke hadapan kaumnya dan berupaya mencabar tanggapan-tanggapan serta pemikiran semasa. Melalui ucapannya, dia telah mengorak langkah-langkah awal dalam membangkitkan kesedaran orang Melayu ke arah menamatkan Dilema Melayu.

Dia tidak berleter, cuma menyebut apa yang sememangnya diketahui umum. Setiap kali Dr Mahathir menjelaskan sikap Melayu, gelak ketawa yang menyambut kata-katanya dipenuhi perasaan empathy (empati) kerana para hadirin amat memahami bahawa beliau memberi potret yang lucu tetapi tepat mengenai bangsanya. Dengan menjelaskan sikap Melayu dengan nada menyindir, Dr Mahathir membolehkan orang Melayu mencerminkan wajah sendiri dan melihat segala kelemahan dan kecacatan yang ada.

Setelah melihat bayangan serba kekurangan yang tercermin nyata, orang Melayu tidak mempunyai pilihan lagi kecuali berubah sebelum terlewat.

Orang Melayu harus menelan ubat pahit yang diberi oleh Dr Mahathir yang telah mendedahkan suatu rahsia yang terbuka. Orang Melayu wajib menerima apa-apa yang mereka tidak ingin menerimanya kerana mereka tidak ada jalan lain – berubah atau rebah. Sesungguhnya Dr Mahathir membuktikan bahawa dia jauh di hadapan kita – seorang ikonoklas jati.”